

# RISALAH 05



- 01 | PENDAFTARAN DAN PENGAKTIFAN AKAUN PSCR 2.0**
- 02 | AKAUN E-DARUSSALAM**
- 03 | SARANAN PENGGUNAAN**
- 04 | MELENGKAPKAN PROFIL**

## HUBUNGI KAMI

- +673 737 1961  
 PSC.BN  
 query@spa.gov.bn



**PSCR**  
**2.0**  
**FASA SATU**

## SOALAN-SOALAN LAZIM PSCR 2.0

**RISALAH 05**

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

## PENDAFTARAN DAN PENGAKTIFAN AKAUN PSCR 2.0

### 1. Bagaimakah caranya untuk mendaftar ke portal PSCR 2.0?

Untuk mendaftar masuk ke **PSCR 2.0**, awda hendaklah menggunakan akaun e-Darussalam yang aktif. Sila rujuk Panduan Pengguna di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn).

### 2. Adakah pemilik akaun PSCR sebelum ini perlu mengaktifkan semula pada PSCR 2.0?

Tidak perlu, pengaktifan akaun hanya bagi pengguna baru dan termasuk pengguna yang mendaftar profil PSC Recruitment **selepas 31hb Ogos 2021**.

### 3. Kenapa saya tidak menerima e-mel pautan pengaktifan akaun?

Sila semak folder **Spam / Junk mail** dan **refresh** e-mel awda. Jika e-mel masih belum diterima, sila isikan butiran dan nyatakan aduan dengan menggunakan modul **Aduan Saya**.

## AKAUN E-DARUSSALAM

### 1. Bagaimana mendapatkan akaun e-Darussalam?

Sila layari **portal e-Darussalam** di [www.gov.bn](http://www.gov.bn) dan tekan pautan **e-Darussalam** untuk mendaftar.

### 2. Apakah yang perlu dibuat jika terlupa kata laluan?

Sila hubungi e-Darussalam di talian **123** atau layari portal e-Darussalam di [www.gov.bn](http://www.gov.bn).

## SARANAN PENGGUNAAN

### 1. Apakah pelayar (browser) yang disyorkan untuk melayari portal PSCR 2.0?

Sila gunakan pelayar Google Chrome/ Mozilla Firefox/ Safari.

### 2. Apakah peranti yang boleh digunakan?

Semua peranti boleh digunakan dan tidak terhad kepada komputer sahaja

## MELENGKAPKAN PROFIL

### 1. Adakah perlu untuk memuat naik sijil kelulusan bagi setiap mata pelajaran dalam sijil kelulusan yang sama?

Awda hanya perlu memuat naik sekali sahaja, ianya akan digabungkan secara automatik dengan nama peperiksaan dan tarikh sijil kelulusan.

### 2. Adakah perlu untuk mengisikan Borang Pengesahan Ketua Jabatan (BPKJ) bagi warga Perkhidmatan Awam,?

Awda hanya perlu mengisikan butiran pengalaman pekerjaan dan pekerjaan sekarang di dalam portal **PSCR 2.0** dan memastikan rekod perkhidmatan awda di dalam sistem **SSM** telah dikemaskinikan.

### 3. Apakah format fail yang disyorkan untuk dimuat naik ke PSCR 2.0?

- Dokumen / Sijil dalam format **Pdf**
- Imej dalam format **JPEG / PNG**
- Saiz **tidak melebihi 3MB**.
- Dokumen yang di imbas hendaklah di dalam versi asal / berwarna

### 4. Mengapa dokumen tidak dapat dimuat naik?

Sila pastikan nama pada salinan dokumen tersebut **tidak mengandungi simbol** seperti **#@\$/** dan lain-lain. Pastikan juga saiz dokumen adalah **tidak melebihi 3MB**.

### 5. Nama kelulusan, Sekolah, Institusi, mata pelajaran tidak tersenarai di dalam sistem?

Sila isikan butiran maklumat dan nyatakan aduan dengan menggunakan modul **Aduan Saya**.

### 6. Jika saya ingin memadam/menghapus dokumen, apakah yang perlu saya buat?

Memadam atau menghapus data dan dokumen berkaitan kelulusan adalah tidak dibenarkan. Jika awda ingin mengubah data dan dokumen yang berkaitan, sila isikan butiran dan nyatakan aduan dengan menggunakan modul **Aduan Saya**.

**PERINGATAN:** Jika kelulusan awda dikeluarkan oleh institusi Swasta atau luar negeri, sila hadapkan bersama salinan (**berwarna**) **Surat Pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK)**.